

11 NOV 1998
APEC-BERITA-ABAC/I
ABAC TUMPU HASIL MESYUARAT

Oleh: Tan Hock Guan

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Mendapatkan hasil daripada mesyuarat Apec dan sidang kemuncak perniagaan Apec adalah apa yang disasarkan oleh delegasi-delegasi terbabit, bukannya asyik bersembang mengenai kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Penasihat Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) Tan Sri Razali Ismail berkata mesyuarat Apec dan Abac akan menjadi usaha bernilai jika sesuatu yang positif dapat dicapai.

Walaupun ada peristiwa lain yang berlaku di negara ini, delegasi Malaysia mahukan keputusan penting daripada ketua-ketua delegasi ke mesyuarat itu, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Malaysia, sebagai pengerusi semasa Apec - forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik -- akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Apec pada 17 dan 18 Nov dan Mesyuarat Peringkat Menteri Apec yang ke 10 pada 14 dan 15 Nov.

Abac, sempena dengan mesyuarat Apec, akan mengadakan Sidang Kemunjuk Perniagaan Apec selama tiga hari bermula 14 Nov, di mana 1,000 ketua-ketua pegawai eksekutif daripada negara-negara Apec akan menghadirinya.

Razali, yang juga merupakan penasihat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata isu Anwar yang disingkir daripada menjadi timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept, telahpun menjadi perbincangan sampingan.

"Beberapa negara telah memberi lebih banyak reaksi daripada yang lain dan tidak banyak yang dapat dilakukan untuk mengubahnya," katanya.

Mengenai dakwaan Anwar mengenai konspirasi dalam penyingkirannya, Razali berkata Anwar membuat tuduhan itu kerana ia cuba menyelamatkan karier politiknya.

Beliau berkata Perdana Menteri telahpun berkata ia bukan isu politik atau ekonomi tetapi salahlaku moral Anwar yang menyebabkan beliau disingkir.

"Mungkin ada orang yang bersetuju dan ada yang tidak," katanya.

Mengenai keseimbangan adanya huru-hara semasa mesyuarat-mesyuarat itu, Razali berkata kerajaan akan dapat menangani situasi itu.

Beliau berkata orang yang akan datang ke Malaysia tidak harus memikirkan yang situasi meruncing. -- BERNAMA

THG JR OS